

Penyata Kewangan Pada
31 Disember 2001 berserta
dengan Laporan Para
Pengarah dan Juruaudit

Penyata Kewangan

36 - 38	Laporan Para Pengarah
39	Penyata Para Pengarah
39	Akuan Berkanun
40	Laporan Juruaudit
41	Lembaran Imbangan Disatukan
42	Penyata Pendapatan Disatukan
43	Penyata Perubahan Dalam Ekuiti Disatukan
44	Penyata Aliran Tunai Disatukan
45	Lembaran Imbangan
46	Penyata Pendapatan
47	Penyata Perubahan Dalam Ekuiti
48	Penyata Aliran Tunai
49 - 60	Nota-nota Kepada Penyata Kewangan

Laporan Para Pengarah

Para pengarah dengan ini membentangkan laporan mereka dan penyata kewangan Kumpulan dan Syarikat yang telah diaudit bagi tahun kewangan berakhir 31 Disember, 2001.

Kegiatan Utama

Kegiatan utama Syarikat adalah pemegangan pelaburan.

Kegiatan utama subsidiari dinyatakan di Nota 4 kepada penyata kewangan.

Tidak ada sebarang perubahan penting di dalam jenis kegiatan-kegiatan ini di sepanjang tahun kewangan.

Hasil

	Kumpulan RM	Syarikat RM
Keuntungan bersih bagi tahun semasa	83,709,389	94,794,301

Dividen

Jumlah dividen yang telah dibayar oleh Syarikat sejak 31 Disember, 2000 adalah seperti berikut :

RM

Berhubung tahun kewangan berakhir 31 Disember, 2001 :

Dividen interim biasa sebanyak 5% ditolak cukai 28% dibayar pada 29 Oktober, 2001 14,400,000

Para pengarah mencadangkan dividen akhir 10% ke atas 400,000,000 saham biasa terdiri daripada 4% dividen dikecualikan cukai dan 6% dividen ditolak cukai 28% berjumlah RM33,280,000 bagi tahun kewangan semasa.

Rizab Dan Peruntukan

Tidak ada pindahan yang penting kepada atau daripada rizab atau peruntukan sepanjang tahun kewangan ini selain daripada yang dinyatakan di penyata perubahan dalam ekuiti.

Hutang Lapuk Dan Hutang Ragu

Sebelum penyata pendapatan dan lembaran imbalan disediakan, para pengarah telah mengambil tindakan yang sewajarnya untuk memastikan bahawa tindakan telah diambil berkaitan dengan penghapuskiraan hutang lapuk dan dalam membuat peruntukan bagi hutang ragu dan berpuashati bahawa tidak ada sebarang hutang lapuk yang diketahui dan tidak ada peruntukan hutang ragu yang diperlukan.

Pada tarikh laporan ini, para pengarah tidak mengetahui tentang sebarang keadaan yang boleh memerlukan sebarang jumlah dihapuskan sebagai hutang lapuk atau diperuntukkan sebagai hutang ragu di dalam penyata kewangan Kumpulan dan Syarikat.

Aset Semasa

Sebelum penyata pendapatan dan lembaran imbalan disediakan, para pengarah telah mengambil langkah yang sewajarnya untuk memastikan bahawa aset semasa yang mungkin tidak dapat dijual dalam perjalanan perniagaan biasa termasuk nilai-nilai yang ditunjukkan di dalam rekod-rekod perakaunan Kumpulan dan Syarikat telah dikurangkan nilainya kepada hasilaku yang dianggap boleh diperolehi.

Pada tarikh laporan ini, para pengarah tidak mengetahui tentang sebarang keadaan yang akan menjadikan nilai aset semasa di dalam penyata kewangan Kumpulan dan Syarikat mengelirukan.

Kaedah Penilaian

Pada tarikh laporan ini, para pengarah tidak mengetahui tentang sebarang keadaan yang timbul yang boleh menyebabkan kepatuhan kepada kaedah penilaian yang wujud bagi penilaian aset atau liabiliti Kumpulan dan Syarikat mengelirukan atau tidak sesuai.

Liabiliti Luarjangka Dan Lain-lain Liabiliti

Pada tarikh laporan ini, tidak wujud :

- sebarang tindhmilik ke atas aset Kumpulan atau Syarikat yang timbul sejak akhir tahun kewangan yang menjamin liabiliti pihak lain; atau
- sebarang liabiliti luarjangka Kumpulan atau Syarikat yang timbul sejak akhir tahun kewangan.

Liabiliti Luarjangka Dan Lain-lain Liabiliti (Samb'g)

Tidak ada liabiliti luarjangka atau lain-lain liabiliti yang akan berkuatkuasa atau berkemungkinan sebegitu dalam tempoh dua belas bulan selepas akhir tahun kewangan ini yang, pada pendapat para pengarah, akan atau boleh memberi kesan yang penting terhadap keupayaan Kumpulan atau Syarikat menunaikan kewajibannya apabila tiba masanya.

Perubahan Keadaan

Pada tarikh laporan ini, para pengarah tidak mengetahui tentang sebarang keadaan yang tidak diperkatakan dalam laporan ini atau penyata kewangan Kumpulan dan Syarikat yang akan menyebabkan mana-mana jumlah yang dinyatakan di dalam penyata kewangan mengelirukan.

Butiran Yang Bersifat Ganjil

Para pengarah berpendapat bahawa hasil kendalian Kumpulan dan Syarikat di sepanjang tahun kewangan, tidak dipengaruhi secara besaran oleh sebarang butiran, urusan atau kejadian yang bersifat penting dan ganjil selain daripada yang telah dinyatakan di Nota 23 kepada penyata kewangan.

Di dalam jangka masa di antara akhir tahun kewangan dan tarikh laporan ini, tidak timbul sebarang butiran, urusan atau kejadian yang bersifat penting dan ganjil yang, pada pendapat para pengarah, akan memberi kesan penting ke atas hasil kendalian Kumpulan atau Syarikat bagi tahun kewangan di mana laporan ini dibuat.

Peristiwa Penting

Peristiwa penting sepanjang tahun kewangan adalah seperti yang dinyatakan di Nota 26 kepada penyata kewangan.

Modal Saham

- (a) Pada 14 Februari, 2001, Syarikat menerbitkan saham-saham berikut :
 - (i) Satu saham keutamaan bolehtebus berhak istimewa bernilai RM1.00 kepada Menteri Kewangan (Diperbadankan) pada harga par secara tunai; dan
 - (ii) 299,999,998 saham biasa baru bernilai RM1.00 sesaham dengan harga terbitan lebih kurang RM1.43 sesaham sebagai balasan pembelian sebanyak RM428,369,536 untuk pengambilalihan keseluruhan hak ekuiti di dalam Bintulu Port Sdn. Bhd.
- (b) Pada 22 Mac, 2001, Syarikat telah menerbitkan saham-saham berikut :
 - (i) Terbitan awam bagi 72,599,000 saham biasa baru bernilai RM1.00 sesaham dalam Syarikat pada harga terbitan RM2.00 sesaham; dan
 - (ii) Terbitan awam secara tender bagi 27,401,000 saham biasa baru bernilai RM1.00 sesaham dalam Syarikat pada harga tender RM2.15 sesaham.

Para Pengarah

Para pengarah yang berkhidmat sejak tarikh laporan yang terakhir ialah :

Datuk Mohamed Adnan Bin Ali (Pengerusi)
Capt. Awangku Abdul Malit @ Awangku Malyx Bin Pengiran Mahran (Pengarah Urusan)
Tan Sri Dato' Dr. Samsudin Bin Hitam
Abdul Rahim Bin Mokti
Subkey Bin Abdul Wahab (dilantik pada 20 Ogos, 2001)
Dato' Haji Mohd Ali Bin Yasin (dilantik pada 26 November, 2001)
Onn Bin Kayat (meletak jawatan pada 29 Jun, 2001)

Manfaat Para Pengarah

Sepanjang dan pada akhir tahun kewangan, Syarikat tidak menjadi pihak kepada sebarang persetujuan yang matlamatnya ialah untuk membolehkan para pengarah Syarikat mendapat manfaat melalui pengambilalihan saham atau debentur Syarikat atau sebarang badan korporat.

Sejak akhir tahun kewangan yang lepas, tidak ada pengarah yang telah menerima atau berhak menerima manfaat (selain daripada manfaat yang termasuk dalam jumlah terkumpul ganjaran diterima atau akan diterima dan patut diterima oleh para pengarah seperti yang dinyatakan di Nota 19 kepada penyata kewangan atau gaji tetap bagi pekerja sepenuh masa Syarikat) akibat daripada sebarang kontrak yang dibuat oleh Syarikat atau syarikat perbadanan berkaitan dengan pengarah atau dengan firma di mana ia adalah ahli, atau dengan syarikat di mana ia mempunyai kepentingan kewangan yang nyata.

Laporan Para Pengarah (samb'g)

Kepentingan Para Pengarah

Menurut daftar pegangan saham para pengarah, kepentingan para pengarah yang memegang jawatan pada akhir tahun kewangan di dalam saham Syarikat dan syarikat-syarikat perbadanan berkaitan sepanjang tahun kewangan adalah seperti berikut :


	<i>Bilangan Saham Biasa RM1 Setiap Satu</i>			
	<i>1 Januari, 2001</i>		<i>31 Disember, 2001</i>	
		<i>Beli</i>	<i>Jual</i>	
Capt.Awangku Abdul Malit @ Awangku Malyx Bin Pengiran Mahran	-	2,140,000	-	2,140,000
Datuk Mohamed Adnan Bin Ali	-	5,000	-	5,000
Tan Sri Dato' Dr. Samsudin Bin Hitam	1	-	1	-
Abdul Rahim Bin Mokti	1	-	1	-


Tidak ada pengarah lain yang memegang jawatan pada akhir tahun kewangan yang mempunyai sebarang kepentingan di dalam saham-saham Syarikat atau syarikat-syarikat perbadanan berkaitan di sepanjang tahun kewangan.

Juruaudit

Arthur Andersen & Co. bersara dan telah menyatakan kesanggupan mereka untuk menerima perlantikan semula.

Ditandatangani bagi pihak Lembaga menurut
resolusi para pengarah


DATUK MOHAMED ADNAN BIN ALI


CAPT.AWANGKU ABDUL MALIT @
AWANGKU MALYX BIN PENGIRAN MAHRAN

Bertarikh : 02 Mac, 2002


Penyata Para Pengarah

Kami, DATUK MOHAMED ADNAN BIN ALI dan CAPT. AWANGKU ABDUL MALIT @ AWANGKU MALYX BIN PENGIRAN MAHRAN, dua daripada para pengarah BINTULU PORT HOLDINGS BERHAD, dengan ini menyatakan bahawa, pada pendapat para pengarah, penyata kewangan yang dibentangkan di muka surat 41 hingga 60 memberi gambaran yang benar dan saksama berkenaan dengan keadaan urusan Kumpulan dan Syarikat pada 31 Disember, 2001 dan hasil mereka serta aliran tunai mereka bagi tahun berakhir pada tarikh tersebut dan telah disediakan dengan wajarnya menurut kehendak Akta Syarikat, 1965 dan piawaian perakaunan berkenaan yang diluluskan di Malaysia.

Ditandatangani bagi pihak Lembaga menurut
resolusi para pengarah



DATUK MOHAMED ADNAN BIN ALI



CAPT. AWANGKU ABDUL MALIT @
AWANGKU MALYX BIN PENGIRAN MAHRAN

Bertarikh : 02 Mac, 2002

Akuan Berkanun

Saya, RAMBLI BIN MASHAR, pegawai yang terutamanya bertanggungjawab ke atas pengurusan kewangan BINTULU PORT HOLDINGS BERHAD, dengan sesungguhnya dan seikhlasnya mengaku bahawa penyata kewangan yang dibentangkan di muka surat 41 hingga 60, adalah sebaik-baik pengetahuan dan kepercayaan saya betul, dan saya membuat pengakuan ini dengan sesungguhnya mempercayai bahawa ianya adalah benar dan menurut peruntukan Akta Akuan Berkanun, 1960.

Ditandatangani dan diakui sesungguhnya)
oleh RAMBLI BIN MASHAR yang tersebut)
di atas di Kuching dalam Negeri Sarawak)
pada 02 Mac, 2002) RAMBLI BIN MASHAR

Di hadapan saya :

LO MING LOMINUS (Q016)
Pesuruhjaya Sumpah



Laporan Juruaudit

Kepada Pemegang-Pemegang Saham
BINTULU PORT HOLDINGS BERHAD

Kami telah mengaudit penyata kewangan yang dibentangkan di muka surat 41 hingga 60. Penyata kewangan tersebut adalah tanggungjawab para pengarah Syarikat. Tanggungjawab kami adalah untuk menyatakan pendapat mengenai penyata kewangan tersebut berdasarkan audit kami.

Kami melaksanakan audit mengikut Piawaian Pengauditan yang diluluskan di Malaysia. Piawaian tersebut memerlukan kami merancang dan melaksanakan audit untuk mencapai kepastian munasabah mengenai samada penyata kewangan tersebut bebas daripada salah nyata yang ketara. Sesuatu audit juga merangkumi pemeriksaan, berdasarkan ujian, bukti yang menyokong jumlah dan pernyataan dalam penyata kewangan. Sesuatu audit juga merangkumi penilaian prinsip perakaunan yang digunakan dan anggaran penting yang dibuat oleh para pengarah, serta penilaian pembentangan penyata kewangan secara keseluruhannya. Kami percaya bahawa audit kami memberi asas munasabah untuk menyatakan pendapat kami.

Pada pendapat kami :

- (a) penyata kewangan telah disediakan dengan wajarnya menurut peruntukan Akta Syarikat, 1965 dan piawaian perakaunan berkenaan yang diluluskan di Malaysia dan memberi gambaran yang benar dan saksama mengenai :
 - (i) keadaan urusan Kumpulan dan Syarikat pada 31 Disember, 2001 dan hasil mereka serta aliran tunai mereka bagi tahun berakhir pada tarikh tersebut; dan
 - (ii) perkara-perkara yang diperlukan oleh Seksyen 169 dalam Akta Syarikat, 1965 untuk diambilkira dalam penyata kewangan; dan
- (b) rekod perakaunan dan lain-lain rekod dan daftar-daftar yang dikehendaki oleh Akta untuk disimpan oleh Syarikat dan subsidiarinya telah disimpan dengan sempurna menurut peruntukan Akta.

Kami telah mempertimbangkan penyata kewangan dan laporan juruaudit bagi subsidiari seperti dinyatakan dalam Nota 4 kepada penyata kewangan, di mana penyata kewangan tersebut telah dimasukkan ke dalam penyata kewangan disatukan.

Kami berpuas hati bahawa penyata kewangan subsidiari yang telah disatukan dengan penyata kewangan Syarikat adalah dalam bentuk dan kandungan yang sesuai dan wajar bagi tujuan penyediaan penyata kewangan disatukan dan kami telah menerima maklumat dan penjelasan yang memuaskan sebagaimana yang dikehendaki oleh kami bagi tujuan tersebut.

Laporan juruaudit bagi penyata kewangan subsidiari tersebut tidak tertakluk kepada sebarang syarat dan tiada sebarang teguran dibuat di bawah seksyen kecil (3) Seksyen 174 Akta tersebut.



Arthur Andersen & Co.
No. AF 0103
Akauntan Bertauliah



Chin Mui Khiong Peter
No. 1881/03/02 (J)
Rakankongsi Firma

Bertarikh : 02 Mac, 2002

Lembaran Imbangan Disatukan - 31 Disember 2001

	Nota	2001 RM	2000 RM
Aset Tak Semasa			
Hartanah, loji dan peralatan	3	289,241,584	301,883,201
Muhibah dari pembelian	5	15,699,581	16,680,805
		<u>304,941,165</u>	<u>318,564,006</u>
Aset Semasa			
Perbelanjaan pembangunan hartanah	6	14,987,586	13,373,836
Penghutang perdagangan	7	16,379,620	17,156,316
Lain-lain penghutang	8	38,613,054	33,931,726
Sekuriti boleh pasar	9	50,081,078	47,261,667
Wang tunai dan baki di bank	10	413,706,888	271,375,260
		<u>533,768,226</u>	<u>383,098,805</u>
Liabiliti Semasa			
Lain-lain pemiutang	11	12,484,774	45,511,927
Cukai		16,470,727	10,928,180
Dividen belum bayar		-	100,000,000
Dividen dicadangkan		33,280,000	-
		<u>62,235,501</u>	<u>156,440,107</u>
Aset Semasa Bersih		<u>471,532,725</u>	<u>226,658,698</u>
		776,473,890	545,222,704
Dibiayai Oleh :			
Modal saham	12	400,000,001	300,000,000
Rizab		353,375,461	224,396,278
		<u>753,375,462</u>	<u>524,396,278</u>
Ekuiti pemegang saham			
Manfaat persaraan	13	14,381,428	11,992,426
Cukai tertunda	14	8,717,000	8,834,000
		<u>23,098,428</u>	<u>20,826,426</u>
Liabiliti tak semasa			
		776,473,890	545,222,704

Nota-nota yang disertakan merupakan sebahagian asasi lembaranimbangan ini.

Penyata Pendapatan Disatukan bagi tahun berakhir 31 Disember 2001

	Nota	2001 RM	2000 RM
Pendapatan	15	279,531,590	274,834,948
Lain-lain pendapatan kendalian	16	13,292,753	9,955,931
		<u>292,824,343</u>	<u>284,790,879</u>
Kos kakitangan	17	(45,856,470)	(39,006,304)
Pelunasan muhibah		(981,224)	(981,224)
Sewa khas bot tunda		(5,183,920)	(5,435,633)
Susutnilai		(22,583,807)	(20,847,365)
Pengorekan		(8,248,455)	(9,950,784)
Minyak, elektrik dan belanja utiliti		(5,439,335)	(4,511,411)
Sewa pajak kemudahan pelabuhan		(61,406,070)	(63,688,609)
Pembaikan dan penyelenggaraan		(9,643,683)	(11,205,656)
Pemunggalan		(6,028,277)	(5,109,296)
Lain-lain belanja kendalian	18	<u>(9,474,713)</u>	<u>(19,059,189)</u>
Keuntungan sebelum cukai		117,978,389	104,995,408
Cukai	20	(34,269,000)	(30,113,904)
Keuntungan bersih bagi tahun semasa		83,709,389	74,881,504
Pendapatan se saham (sen)			
Asas	21	22.14	24.96

Nota-nota yang disertakan merupakan sebahagian asasi penyata ini.

Penyata Perubahan Dalam Ekuiti Disatukan bagi tahun berakhir 31 Disember 2001

	Modal saham RM	Tidak boleh diagih Premium saham RM	Boleh diagih Keuntungan terkumpul RM	Jumlah RM
Pada 31 Disember, 1999	2	-	474,410,583	474,410,585
Pelarasan tahun lepas (Nota 23)	-	-	10,104,189	10,104,189
Pada 1 Januari, 2000 seperti yang dinyatakan semula	2	-	484,514,772	484,514,774
Tambahan modal saham untuk menggambarkan penggabungan	299,999,998	-	-	299,999,998
Keuntungan bersih bagi tahun semasa	-	-	74,881,504	74,881,504
Defisit penggabungan	-	-	(234,999,998)	(234,999,998)
Dividen khas dibayar oleh subsidiari sebelum penggabungan : 153.85% dikecualikan cukai	-	-	(100,000,000)	(100,000,000)
Pada 31 Disember, 2000 seperti yang dinyatakan semula	300,000,000	-	224,396,278	524,396,278
Pada 31 Disember, 2000 seperti yang dinyatakan sebelumnya	2	-	210,766,097	210,766,099
Pelarasan tahun lepas (Nota 23)	-	-	13,630,181	13,630,181
Pada 1 Januari, 2001 seperti yang dinyatakan semula	2	-	224,396,278	224,396,280
Terbitan satu saham keutamaan bolehtebus istimewa	1	-	-	1
Terbitan saham biasa sebagai balasan pengambilalihan subsidiari	299,999,998	-	-	299,999,998
Terbitan awam (Nota 12)	100,000,000	104,110,150	-	204,110,150
Belanja terbitan awam	-	(11,160,356)	-	(11,160,356)
Keuntungan bersih bagi tahun semasa	-	-	83,709,389	83,709,389
Dividen (Nota 22)	-	-	(47,680,000)	(47,680,000)
Pada 31 Disember, 2001	400,000,001	92,949,794	260,425,667	753,375,462

Nota-nota yang disertakan merupakan sebahagian asasi penyata ini.

Penyata Aliran Tunai Disatukan bagi tahun berakhir 31 Disember 2001

	2001 RM	2000 RM
Aliran Tunai Daripada Kegiatan Kendalian		
Keuntungan sebelum cukai	117,978,389	104,995,408
Pelarasan untuk :		
Pelunasan muhibah	981,224	981,224
Susutnilai	22,583,807	20,847,365
Pendapatan dividen	(1,358,714)	(1,219,619)
Pendapatan faedah	(11,725,091)	(8,483,546)
Kerugian/(keuntungan) atas pelupusan sekuriti boleh pasar	2,907,469	(5,697,672)
Kerugian atas pelupusan hartanah, loji dan peralatan	-	3,253
Amaun sekuriti boleh pasar yang dikurang nilai	-	13,995,576
Amaun sekuriti boleh pasar yang disemak semula	(6,055,312)	-
Peruntukan untuk manfaat persaraan	2,664,916	1,761,345
Keuntungan kendalian sebelum perubahan modal kerja	127,976,688	127,183,334
Tambahkan dalam perbelanjaan pembangunan hartanah	(1,613,750)	(3,507,900)
Tambahkan dalam penghutang	(5,832,199)	(14,534,220)
(Kurangan)/tambahan dalam pemiutang	(33,027,153)	7,458,065
Kurangan dalam manfaat persaraan	(275,914)	(381,612)
Tunai dihasilkan daripada kendalian	87,227,672	116,217,667
Cukai dibayar	(28,677,036)	(62,192,740)
Tunai bersih hasil daripada aktiviti kendalian	58,550,636	54,024,927
Aliran Tunai Daripada Kegiatan Pelaburan		
Pembelian sekuriti boleh pasar	(28,147,826)	(46,810,233)
Pembelian hartanah, loji dan peralatan	(9,942,190)	(38,934,626)
Faedah diterima	11,725,091	8,483,546
Dividen diterima	1,192,297	1,085,318
Penerimaan daripada pelupusan sekuriti boleh pasar	28,476,258	35,533,431
Penerimaan daripada pelupusan hartanah, loji dan peralatan	-	200
Tunai bersih hasil daripada/(digunakan dalam) aktiviti pelaburan	3,303,630	(40,642,364)
Aliran Tunai Daripada Kegiatan Pembiayaan		
Dividen dibayar	(114,400,000)	(6,500,000)
Penerimaan daripada terbitan saham keutamaan		
bolehtebus istimewa	1	-
Penerimaan daripada terbitan saham awam	204,110,150	-
Belanja penyenaraian dibayar	(9,232,789)	-
Tunai bersih hasil daripada/(digunakan dalam) aktiviti pembiayaan	80,477,362	(6,500,000)
Tambahan Bersih Dalam Tunai Dan Kesetaraan Tunai	142,331,628	6,882,563
Tunai Dan Kesetaraan Tunai Pada Awal Tahun	271,375,260	264,492,697
Tunai Dan Kesetaraan Tunai Pada Akhir Tahun	413,706,888	271,375,260
Tunai dan kesetaraan tunai terdiri daripada :		
Wang tunai dan baki di bank	6,133,986	19,293,067
Instrumen pasaran wang yang dibeli di bawah perjanjian belian semula	26,945,060	124,819,705
Deposit dengan bank berlesen, syarikat kewangan berlesen dan lain-lain institusi kewangan	380,627,842	127,262,488
	413,706,888	271,375,260

Nota-nota yang disertakan merupakan sebahagian asasi penyata ini.

Lembaran Imbangan - 31 Disember 2001

	Nota	2001 RM	2000 RM
Aset Tak Semasa			
Subsidiari	4	<u>299,999,998</u>	<u>-</u>
Aset Semasa			
Lain-lain penghutang	8	2,953,556	1,927,567
Dividen belum terima dari subsidiari		62,582,000	-
Wang tunai dan baki di bank	10	215,638,062	899
		<u>281,173,618</u>	<u>1,928,466</u>
Liabiliti Semasa			
Lain-lain pemiutang	11	7,560,012	2,002,106
Cukai		343,150	-
Dividen dicadangkan		33,280,000	-
		<u>41,183,162</u>	<u>2,002,106</u>
Aset/(Liabiliti) Semasa Bersih		239,990,456	(73,640)
		539,990,454	(73,640)
Dibiayai Oleh :			
Modal saham	12	400,000,001	2
Rizab		139,990,453	(73,642)
Ekuiti pemegang saham		539,990,454	(73,640)

Nota-nota yang disertakan merupakan sebahagian asasi lembaran imbangan ini.

Penyata Pendapatan

bagi tahun berakhir 31 Disember 2001

	Nota	2001 RM	2000 RM
Pendapatan	15	120,900,000	-
Lain-lain pendapatan kendalian	16	5,529,949	-
		126,429,949	-
Kos kakitangan	17	(123,605)	-
Lain-lain belanja kendalian	18	(693,043)	(1,270)
Keuntungan/(kerugian) sebelum cukai		125,613,301	(1,270)
Cukai	20	(30,819,000)	-
Keuntungan/(kerugian) bersih bagi tahun semasa		94,794,301	(1,270)

Nota-nota yang disertakan merupakan sebahagian asasi penyata ini.

Penyata Perubahan Dalam Ekuiti bagi tahun berakhir 31 Disember 2001

	Modal saham	Tidak boleh diagih Premium saham	Boleh diagih Keuntungan terkumpul/ (kerugian terkumpul) RM	Jumlah RM
	RM	RM	RM	RM
Pada 1 Januari, 2000	2	-	(72,372)	(72,370)
Kerugian bersih bagi tahun semasa	-	-	(1,270)	(1,270)
Pada 1 Januari, 2001	2	-	(73,642)	(73,640)
Terbitan satu saham keutamaan bolehtebus berhak istimewa	1	-	-	1
Terbitan saham biasa sebagai pertimbangan untuk pengambilalihan subsidiari	299,999,998	-	-	299,999,998
Terbitan awam (Nota 12)	100,000,000	104,110,150	-	204,110,150
Belanja terbitan awam	-	(11,160,356)	-	(11,160,356)
Keuntungan bersih bagi tahun semasa	-	-	94,794,301	94,794,301
Dividen (Nota 22)	-	-	(47,680,000)	(47,680,000)
Pada 31 Disember, 2001	400,000,001	92,949,794	47,040,659	539,990,454

Nota-nota yang disertakan merupakan sebahagian asasi penyata ini.

Penyata Aliran Tunai

bagi tahun berakhir 31 Disember 2001

	2001 RM	2000 RM
Aliran Tunai Daripada Kegiatan Kendalian		
Keuntungan/(kerugian) sebelum cukai	125,613,301	(1,270)
Pelarasan untuk :		
Pendapatan dividen	(120,900,000)	-
Pendapatan faedah	(5,529,949)	-
Kerugian kendalian sebelum perubahan modal kerja	(816,648)	(1,270)
Tambahan dalam penghutang	(2,953,556)	(1,192,310)
Tambahan dalam pemiutang	5,557,906	1,193,554
Tunai dihasilkan daripada/(digunakan dalam) kendalian	1,787,702	(26)
Cukai dibayar	(1,173,850)	-
Tunai bersih hasil daripada/(digunakan dalam) aktiviti kendalian	613,852	(26)
Aliran Tunai Daripada Kegiatan Pelaburan		
Faedah diterima	5,529,949	-
Dividen diterima	29,016,000	-
Tunai bersih hasil daripada aktiviti pelaburan	34,545,949	-
Aliran Tunai Daripada Kegiatan Pembiayaan		
Dividen dibayar	(14,400,000)	-
Penerimaan daripada terbitan saham keutamaan		-
bolehtebus istimewa	1	-
Penerimaan daripada terbitan saham awam	204,110,150	-
Belanja penyenaraian dibayar	(9,232,789)	-
Tunai bersih hasil daripada aktiviti pembiayaan	180,477,362	-
Tambahan/(Kurangan) Bersih Dalam Tunai Dan Kesetaraan Tunai	215,637,163	(26)
Tunai Dan Kesetaraan Tunai Pada Awal Tahun	899	925
Tunai Dan Kesetaraan Tunai Pada Akhir Tahun	215,638,062	899
Tunai dan kesetaraan tunai terdiri daripada :		
Wang tunai dan baki di bank	413,062	899
Deposit dengan bank berlesen dan syarikat kewangan berlesen	215,225,000	-
	215,638,062	899

Nota-nota yang disertakan merupakan sebahagian asasi penyata ini.

Nota-Nota Kepada Penyata Kewangan

- 31 Disember 2001

1. Kegiatan-kegiatan Utama Dan Maklumat Am

Kegiatan-kegiatan utama Syarikat adalah pemegangan pelaburan. Kegiatan utama subsidiari dinyatakan di Nota 4. Tidak ada sebarang perubahan penting di dalam jenis kegiatan-kegiatan ini di sepanjang tahun kewangan.

Syarikat adalah syarikat awam liabiliti terhad yang diperbadankan dan bermastautin di Malaysia dan disenaraikan di Papan Utama Bursa Saham Kuala Lumpur. Pejabat berdaftar Syarikat terletak di Lot 15, Block 20, Kemena Land District, 12th Mile, Jalan Tanjung Kidurong, 97000 Bintulu, Sarawak.

Badan induk dan terakhir bagi Syarikat ialah Menteri Kewangan (Diperbadankan), sebuah badan yang ditubuhkan di Malaysia.

Bilangan kakitangan dalam Kumpulan pada akhir tahun kewangan adalah seramai 747 (2000 : 715) orang. Syarikat tidak mempunyai sebarang kakitangan kerana kesemua pengurusan dan pengendalian dibuat oleh subsidiarinya.

Penyata kewangan ini telah diluluskan oleh Lembaga Pengarah untuk diterbitkan menurut resolusi para pengarah pada 26 Februari, 2002.

2. Dasar Perakaunan Penting

(a) Asas Perakaunan

Penyata kewangan Kumpulan dan Syarikat telah disediakan menurut kelaziman kos sejarah melainkan sebaliknya ditunjuk di dalam dasar perakaunan di bawah dan mematuhi peruntukan di dalam Akta Syarikat, 1965 dan piawaian perakaunan berkenaan yang diluluskan di Malaysia.

(b) Pengiktirafan Pendapatan

(i) Pendapatan Dari Operasi Pelaburan

Pendapatan dari operasi pelaburan diiktiraf setelah ditolak rebet berdasarkan asas akrual apabila perkhidmatan tersebut dilaksanakan.

(ii) Pendapatan Faedah

Pendapatan faedah diiktiraf secara asas akrual.

(iii) Pendapatan Dividen

Pendapatan dividen diiktiraf apabila hak pemegang saham untuk menerima bayaran telah terbukti.

(c) Asas Penyatuan

Penyata kewangan disatukan termasuk penyata kewangan Syarikat dan subsidiarinya. Subsidiari adalah syarikat di mana Kumpulan mempunyai kuasa untuk melaksanakan kawalan terhadap polisi-polisi kewangan dan operasi untuk memperoleh manfaat daripada aktiviti syarikat tersebut. Subsidiari disatukan menggunakan kaedah perakaunan penggabungan dimana kos pelaburan dalam buku Syarikat direkod pada nilai nominal saham yang diterbitkan dan perbezaan di antara nilai dibawah pelaburan dan nilai nominal saham yang diambilalih dikira sebagai rizab penggabungan atau defisit penggabungan. Hasil syarikat yang digabungkan diambilkira seolah-olah penggabungan tersebut telah berlaku sepanjang tahun kewangan semasa dan tahun-tahun kewangan sebelumnya.

Urusniaga, baki dan hasil laba belum direalisasi di antara syarikat telah dihapuskan semasa penyatuan dan penyata kewangan yang disatukan hanya mencerminkan urusniaga dengan pihak ketiga sahaja. Rugi laba belum direalisasikan telah dihapuskan semasa penyatuan melainkan kos tersebut tidak dapat dipulihkan.

(d) Sekuriti Boleh Pasar

Sekuriti boleh pasar dibawa pada harga terendah di antara kos dan nilai pasaran yang ditentukan atas asas portfolio. Kos ditentukan atas asas purata wajar. Sebarang penurunan kepada nilai pasaran akan dibandingkan dengan kos portfolio secara keseluruhannya; sekuriti individu masih direkodkan pada nilai kos. Sehubungan dengan itu, keuntungan atau kerugian daripada penjualan sekuriti individu adalah berdasarkan kepada nilai kos. Penurunan keseluruhan portfolio kepada nilai pasaran dinilai pada setiap penghujung tempoh kewangan.

(e) Pelaburan

Pelaburan dalam subsidiari dinyatakan pada kos ditolak sebarang peruntukan rosotnilai kekal. Peruntukan tersebut dibuat apabila terdapat pengurangan selain daripada nilai pelaburan yang sementara dan diiktiraf sebagai perbelanjaan dalam masa pengurangan tersebut berlaku. Semasa pelupusan pelaburan, perbezaan di antara perolehan bersih daripada pelupusan dan jumlah yang dibawa dikenakan atau dikreditkan kepada penyata pendapatan.

(f) Hartanah, Loji dan Peralatan dan Susutnilai

Hartanah, loji dan peralatan dinyatakan pada kos setelah ditolak susutnilai terkumpul dan kerugian rosotnilai.

Nota-Nota Kepada Penyata Kewangan (samb'g)

2. Dasar Perakaunan Penting (Samb'g)

(f) Hartanah,Loji dan Peralatan dan Susutnilai (Samb'g)

Tiada susutnilai diperuntukkan ke atas kerja dalam pelaksanaan.

Susutnilai bagi lain-lain hartanah, loji dan peralatan diperuntukkan mengikut kaedah garis lurus supaya menghapuskirakan kos setiap aset kepada nilai sisa sepanjang anggaran hayat kegunaan pada kadar tahunan berikut :

Bangunan & struktur pelabuhan	Sepanjang 22 hingga 25 tahun
Peralatan & jentera	10% - 14.3%
Kenderaan bermotor	14.3%
Perabot, kelengkapan & peralatan pejabat	10% - 13%
Kapal	6% - 13%

Nilai dibawa bagi hartanah, loji dan peralatan telah dinilai untuk rosotnilai apabila terdapat petunjuk yang aset tersebut berkemungkinan rosotnilai. Rosotnilai diukur dengan membandingkan nilai dibawa aset dengan jumlah yang boleh diterima bagi aset tersebut. Kerugian rosotnilai dikenakan kepada penyata pendapatan serta merta. Pertambahan selanjutnya dalam amaun yang boleh diterima harta tersebut diambilkira sebagai pengurangan kerugian rosotnilai terdahulu dan diiktiraf sehingga tahap nilai dibawa harta tersebut yang dikenalpasti (setelah ditolak pelunasan atau susutnilai) jika tiada kerugian rosotnilai diiktiraf. Pengurangan itu diiktiraf dalam penyata pendapatan serta merta.

(g) Muhibah Dari Pembelian

Muhibah dari pembelian yang timbul dari pengambilalihan perniagaan oleh subsidiari daripada Lembaga Pelabuhan Bintulu dilunaskan mengikut kaedah garis lurus selama 25 tahun.

(h) Cukai Tertunda

Cukai tertunda diperuntukkan menurut kaedah liabiliti untuk semua perbezaan masa yang penting kecuali di mana terdapat bukti yang munasabah bahawa perbezaan masa ini tidak akan berbalik pada masa hadapan.

(i) Tunai Dan Kesetaraan Tunai

Tunai dan setara tunai termasuk tunai di tangan dan di bank dan simpanan tetap dan pelaburan kecairan tinggi jangka pendek di mana risiko pertukaran dalam nilai adalah tidak penting.

(j) Penghutang Perdagangan Dan Lain-lain Penghutang

Penghutang perdagangan dan lain-lain penghutang dibawa pada nilai yang dijangka boleh realis. Hutang lapuk dihapuskira apabila dikenalpasti. Anggaran dibuat bagi hutang ragu setelah pengulasan ke atas baki yang belum dijelaskan pada tarikh lembaran imbangan.

(k) Manfaat Persaraan

Kos untuk manfaat persaraan di bawah Skim Manfaat Persaraan Kumpulan ditentukan berdasarkan penilaian aktuarial triennial dengan menggunakan Kaedah Jangkaan Kredit Unit. Penilaian aktuarial yang terakhir dibuat pada tahun 2000. Peruntukan dalam penyata kewangan dibuat berdasarkan penilaian aktuarial. Kos perkhidmatan semasa, kos perkhidmatan yang lepas dan pelarasan pengalaman bagi Skim Manfaat Persaraan Kumpulan ditangani melalui penyata pendapatan secara tersusun sepanjang anggaran baki hayat perkhidmatan ahli.

(l) Perbelanjaan Pembangunan Hartanah

Perbelanjaan tanah dan pembangunan di mana sebahagian besar kerja pembangunan telah dilaksanakan dan dijangka siap dalam masa kitaran kendalian biasa diklasifikasikan sebagai perbelanjaan pembangunan hartanah. Perbelanjaan pembangunan hartanah dinyatakan pada kos dicampur keuntungan ditolak kerugian dan bil-bil kemajuan yang berkenaan. Kos termasuk kos tanah, kos langsung bangunan, dan lain-lain perbelanjaan pembangunan yang berkaitan.

3. Hartanah, Loji Dan Peralatan

	Bangunan & struktur pelabuhan	Peralatan & jentera	Kenderaan bermotor	Perabot kelengkapan & peralatan pejabat	Kapal	Kerja dalam pelaksanaan	Jumlah
	RM	RM	RM	RM	RM	RM	RM
Kumpulan Kos							
Pada 1 Januari, 2001	224,250,570	88,066,371	3,896,038	11,804,585	36,021,658	11,955,893	375,995,115
Tambahan	1,031,011	978,833	440,037	339,034	-	7,153,275	9,942,190
Pindahan	4,515,695	-	-	-	3,881,400	(8,397,095)	-
Pada 31 Disember, 2001	229,797,276	89,045,204	4,336,075	12,143,619	39,903,058	10,712,073	385,937,305
Susutnilai Terkumpul							
Pada 1 Januari, 2001	18,808,077	23,701,540	2,956,437	5,558,319	23,087,541	-	74,111,914
Dikenakan bagi tahun	9,437,191	8,993,567	314,860	1,080,620	2,757,569	-	22,583,807
Pada 31 Disember, 2001	28,245,268	32,695,107	3,271,297	6,638,939	25,845,110	-	96,695,721
Nilai Buku Bersih							
Pada 31 Disember, 2001	201,552,008	56,350,097	1,064,778	5,504,680	14,057,948	10,712,073	289,241,584
Pada 31 Disember, 2000	205,442,493	64,364,831	939,601	6,246,266	12,934,117	11,955,893	301,883,201
Susutnilai dikenakan bagi tahun 2000							
	9,163,416	7,210,577	358,046	1,066,065	3,049,261	-	20,847,365

Nota-Nota Kepada Penyata Kewangan (samb'g)

3. Hartanah, Loji Dan Peralatan (Samb'g)

- (a) Bangunan dan struktur pelabuhan bagi Kumpulan terletak di atas tanah yang dipajak daripada Lembaga Pelabuhan Bintulu. Pajakan tanah ini akan tamat pada tahun 2022.
- (b) Termasuk di dalam hartanah, loji dan peralatan bagi Kumpulan adalah kos yang telah disusutnilaikan sepenuhnya yang masih digunakan :

	2001 RM	2000 RM
Peralatan & jentera	9,192,992	5,422,522
Kenderaan bermotor	2,032,255	1,920,883
Perabot, kelengkapan & peralatan pejabat	1,723,278	1,017,414
Kapal	22,820,658	1,047,658
	35,769,183	9,408,477

4. Subsidiari

	Syarikat 2001 RM
Saham tidak disebut harga pada kos	299,999,998

Butiran subsidiari adalah seperti berikut :

Nama Syarikat	Negara diperbadankan	Kepentingan berkesan (%)		Kegiatan Utama
		2001	2000	
Bintulu Port Sdn. Bhd.	Malaysia	100	-	Memberikan perkhidmatan pelabuhan di Pelabuhan Bintulu, Sarawak

5. Muhibah Dari Pembelian

	Kumpulan	
	2001 RM	2000 RM
Pada kos	24,530,596	24,530,596
Pelunasan terkumpul	(8,831,015)	(7,849,791)
	15,699,581	16,680,805

Muhibah dari pembelian merupakan lebihan jumlah yang dibayar oleh subsidiari untuk pembelian perniagaan daripada Lembaga Pelabuhan Bintulu ke atas nilai aset bersih yang diambilalih berdasarkan Perjanjian Penswastan di antara Kerajaan Malaysia, Lembaga Pelabuhan Bintulu dan subsidiari Syarikat.

6. Perbelanjaan Pembangunan Hartanah

Perbelanjaan pembangunan hartanah adalah berkaitan dengan kos yang terlibat ke atas projek perumahan bagi Kumpulan di Bintulu untuk dijual. Para pengarah berpendapat kos yang terlibat untuk projek tersebut dapat ditebus dan justeru, tiada peruntukan akan dibuat di dalam penyata kewangan.

7. Penghutang Perdagangan

Termasuk di dalam penghutang perdagangan bagi Kumpulan adalah hutang-hutang daripada Malaysia LNG Sdn. Bhd. dan ASEAN Bintulu Fertilizer Sdn. Bhd. yang berjumlah RM10,561,384 (2000 : RM9,220,724) dan RM30,033 (2000 : RM11,761), masing-masing. Kedua-dua syarikat tersebut adalah subsidiari kepada pemegang saham utama, Petrolim Nasional Berhad.

Nota-Nota Kepada Penyata Kewangan (samb'g)

8. Lain-Lain Penghutang

	Kumpulan		Syarikat	
	2001 RM	2000 RM	2001 RM	2000 RM
Bayaran terdahulu untuk proses penyenggaraan korporat	-	1,927,567	-	1,927,567
Pinjaman kakitangan	8,151,409	10,364,868	-	-
Hutang dari Lembaga Pelabuhan Bintulu *	20,578,041	16,805,509	-	-
Lain-lain penghutang dan bayaran terdahulu	9,883,604	4,833,782	2,953,556	-
	38,613,054	33,931,726	2,953,556	1,927,567

* Ini adalah hutang dari Lembaga Pelabuhan Bintulu (LPB) berkaitan dengan sewa pajak tambahan yang terlebih bayar pada tahun-tahun sebelumnya berjumlah RM12,668,037 (2000 :RM12,668,037) dan pembayaran bagi pihak LPB untuk pembinaan dan menaikkan taraf struktur-struktur pelabuhan dan lain-lain kemudahan di Bintulu yang berjumlah RM7,910,004 (2000: RM4,137,472).

9. Sekuriti Boleh Pasar

	Kumpulan	
	2001 RM	2000 RM
Pelaburan disebutbarga, pada kos :		
Saham syarikat	46,295,978	49,368,581
Sekuriti hutang persendirian	831,816	352,968
Sekuriti kerajaan Malaysia	-	642,146
Unit amanah	12,300,000	12,300,000
	59,427,794	62,663,695
Tolak: Amaun yang dikurang nilai	(9,346,716)	(15,402,028)
	50,081,078	47,261,667
Nilai pasaran :		
Saham syarikat	39,803,950	37,148,393
Sekuriti hutang persendirian	860,432	429,201
Sekuriti kerajaan Malaysia	-	664,758
Unit amanah	9,416,696	9,019,315
	50,081,078	47,261,667

Nota-Nota Kepada Penyata Kewangan (samb'g)

10. Wang Tunai Dan Baki Di Bank

	Kumpulan		Syarikat	
	2001 RM	2000 RM	2001 RM	2000 RM
Wang tunai di tangan dan di bank	6,133,986	19,293,067	413,062	899
Instrumen pasaran wang yang dibeli di bawah perjanjian belian semula	26,945,060	124,819,705	-	-
Deposit dengan :				
bank berlesen	277,380,066	74,669,226	182,725,000	-
syarikat kewangan berlesen	102,132,776	49,433,262	32,500,000	-
lain-lain institusi kewangan	1,115,000	3,160,000	-	-
	413,706,888	271,375,260	215,638,062	899

Deposit-deposit Kumpulan dengan bank-bank berlesen berjumlah RM2,615,000 (2000 : RM515,000) telah dicagarkan kepada bank-bank untuk kemudahan jaminan bank yang diberikan bagi Kumpulan.

11. Lain-Lain Pemiutang

	Kumpulan		Syarikat	
	2001 RM	2000 RM	2001 RM	2000 RM
Sewa pajak belum bayar kepada Lembaga Pelabuhan Bintulu untuk kemudahan pelabuhan	3,070,035	2,952,871	-	-
Pelbagai pemiutang dan akruan	9,414,739	42,559,056	183,018	500
Hutang kepada subsidiari	-	-	7,376,994	2,001,606
	12,484,774	45,511,927	7,560,012	2,002,106

Jumlah hutang kepada subsidiari adalah tidak bercagar, tanpa faedah dan tiada syarat pembayaran yang tetap.

Nota-Nota Kepada Penyata Kewangan (samb'g)

12. Modal Saham

	Kumpulan		Syarikat	
	2001 RM	2000 RM	2001 RM	2000 RM
(a) Dibenarkan :				
1,000,000,000 saham biasa RM1 setiap satu	1,000,000,000	1,000,000,000	1,000,000,000	1,000,000,000
Satu saham keutamaan bolehtebus berhak istimewa bernilai RM1	1	1	1	1
	1,000,000,001	1,000,000,001	1,000,000,001	1,000,000,001
(b) Diterbitkan dan dibayar penuh :				
(i) Saham biasa RM1 setiap satu :				
Pada 1 Januari	2	2	2	2
Diterbitkan sebagai balasan untuk pengambilalihan subsidiari dalam tahun semasa	299,999,998	-	299,999,998	-
Terbitan awam (Nota 26)	100,000,000	-	100,000,000	-
	400,000,000	2	400,000,000	2
Peningkatan di dalam modal saham kesan daripada penggabungan *	-	299,999,998	-	-
	400,000,000	300,000,000	400,000,000	2
(ii) Satu saham keutamaan bolehtebus berhak istimewa bernilai RM1 :				
Pada 1 Januari	-	-	-	-
Diterbitkan dan dibayar penuh dalam tahun semasa, pada nilai par	1	-	1	-
Pada 31 Disember	1	-	1	-
Jumlah	400,000,001	300,000,000	400,000,001	2

* Pada tahun semasa, Syarikat telah menerbitkan sebanyak 299,999,998 saham biasa bernilai RM1.00 sesaham sebagai pertimbangan untuk pengambilalihan Bintulu Port Sdn. Bhd. Pengambilalihan adalah berasaskan kepada kaedah perakaunan penggabungan. Terbitan yang dibentangkan di atas adalah seolah-olah terbitan ini dikenakan sebelum hari pertama pada tahun kewangan yang lepas. Oleh itu, angka-angka perbandingan bagi modal terbitan dan berbayar Kumpulan telah dinyatakan semula.

Saham Istimewa

Saham Istimewa ini, yang hanya boleh dimiliki oleh atau dipindah milik kepada Menteri Kewangan (Diperbadankan) atau pengganti beliau atau mana-mana wakil Menteri atau sesiapa yang bertindak bagi pihak Kerajaan Malaysia, mempunyai hak istimewa seperti terkandung di dalam Artikel 15A dan 109A, Tataurusan Syarikat. Hak-hak istimewa ini termasuk :

- berhak melantik tidak melebihi empat orang pengarah Syarikat pada bila-bila masa.
- berhak untuk dibayar balik modal yang telah dibayar atas Saham Istimewa, terdahulu daripada ahli-ahli lain sekiranya berlaku pembubaran Syarikat.
- berhak untuk meminta Syarikat menebus Saham Istimewa tersebut atas harga par pada bila-bila masa.

Beberapa perkara, khususnya, di dalam perubahan Tataurusan Syarikat (termasuk Artikel yang berkaitan dengan had pegangan saham), sebarang jualan harta, penyatuan, penggabungan dan pengambilalihan mesti mendapat kelulusan dari pemegang Saham Istimewa ini terlebih dahulu.

